

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

Sistem kesihatan perlu pembaharuan segera

Kuala Lumpur: Sistem perkhidmatan kesihatan negara wajar diberikan pembaharuan bagi menangani isu peningkatan kos perubatan dan kemampuan kewangan rakyat.

Presiden Persatuan Perubatan Malaysia (MMA), Dr Koh Kar Chai, berkata pandemik COVID-19 yang melanda negara sejak Januari tahun lalu banyak memberi iktitib berhubung keperluan melakukan transformasi perkhidmatan kesihatan.

Beliau berkata, ini kerana se-gelintir pesakit COVID-19 kategori 5 terpaksa menerima rawatan di hospital swasta sehingga dibebani kos perubatan mencecah ratusan ribu ringgit.

"Bagi yang berkemampuan, mungkin kos sedemikian langsung tidak menjelaskan aspek ke-

wangan mereka, tetapi bukan semua yang berkemampuan untuk menjelaskan caj perubatan yang akhirnya mengundang polemik ekonomi.

"Sebenarnya kos perubatan meningkat saban tahun, cuma mungkin ia tidak dirasai sekiranya kita mendapatkan perkhidmatan di sektor awam memandangkan kerajaan memperuntukkan subsidi yang amat tinggi.

"Bagaimanapun, ia membangkitkan persoalan mengenai keperluan melakukan pembaharuan terhadap sistem perkhidmatan kesihatan negara, tanpa perlu untuk kita menunggu satu lagi gelombang pandemik pada masa depan.

"Sekiranya tidak dilaksanakan dengan tuntas, lebih ramai yang

bakal terkorban sebelum suatu pembaharuan ketara terhadap sistem perkhidmatan kesihatan berupaya dicapai," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Kar Chai berkata Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) turut menyentuh pelbagai aspek berkaitan sistem perkhidmatan kesihatan negara, selain usaha pembaharuan yang giat dirintis Kementerian Kesihatan (KKM).

Bagaimanapun, katanya, rangkaian inisiatif itu tidak soharusnya sekadar 'cakap kosong' tanpa disusuli tindakan yang mencertuskan perubahan.

"Kedua-dua pihak dalam Dewan Rakyat perlu sedar bahawa kita memerlukan pembaharuan ini sekarang, justeru segerakan usaha sedemikian dengan kesepakatan bersama," katanya.



Pandemik COVID-19 dedah keperluan melakukan transformasi sistem kesihatan negara dengan segera bagi menjamin rakyat mendapat khidmat yang terbaik
(Foto hiasan)

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Vaksin influenza tiada dalam program imunisasi

Hanya lapan jenis suntikan pelalian diberi secara percuma

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) tidak mempunyai sebarang perancangan untuk memasukkan suntikan vaksin influenza dalam Program Imunisasi Kebangsaan (NIP).

Demikian reaksi Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berhubung sama ada wujud keperluan menjadikan suntikan pelalian bagi virus influenza sebagai daripada jadual imunisasi kebangsaan yang diberikan secara percuma kepada rakyat.

"Setakat ini tiada perancangan untuk memasukkan (suntikan vaksin bagi virus influenza) dalam program imunisasi kebangsaan," katanya kepada BH, semalam.

Semakan di laman info sihat kendalian KKM menunjukkan lapan jenis suntikan vaksin diperlukan kepada rakyat secara percuma dari peringkat bayi hingga mencecah usia 15 tahun.

Antara penyakit yang ditangani menerusi NIP ialah tuberculosis, difteria, tetanus, pertussis, campak, beguk, rubella, Japanese encephalitis (hanya di Sa-

rawak) dan human papillomavirus (HPV).

Turut tersenarai, Haemophilus influenza jenis B, iaitu jangkitan bakteria dan berbezeli dengan virus influenza yang ketika ini vaksinya tidak diperlukan dalam NIP, tetapi KKM menggalakkan orang ramai mengambilnya sekali setahun sama ada di klinik atau hospital swasta.

Pada 15 Januari tahun lalu, Dr Noor Hisham dilaporkan berkata, vaksin influenza di klinik kesihatan kerajaan hanya diberikan kepada pesakit berisiko tinggi dan anggota barisan hadapan KKM.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia, Datuk Dr Zainal Ariffin Omar, yang turut senada dengan KKM menjelaskan, masyarakat di negara ini lebih memerlukan vaksin bagi penyakit lain, berbanding virus influenza.

"Sekarang ini pneumokokal lebih berbahaya, khususnya kepada kanak-kanak, justeru lebih baik peruntukan sedia ada disalurkan untuk vaksin yang sejajarnya berbanding virus influenza."

"Menurus Belanjawan 2020, kerajaan sudah menyediakan peruntukan bagi vaksin pneumokokal membabitkan dana permulaan bernilai RM60 juta untuk

dimanfaatkan 500,000 bayi. "Jika diteliti, virus influenza lebih banyak merekodkan insiden di negara Barat dan beriklim sejuk seperti Eropah, jika dibanding dengan Malaysia.

"Selain itu, vaksin bagi virus influenza bertukar banyak kali sepanjang tahun disebabkan mutasi, maka ia bakal mengundang peruntukan kos yang tinggi dan merumitkan," kata-nanya.

Pneumokokal ialah penyakit disebabkan bakteria yang lazimnya membatikan kanak-kanak dan warga tua hingga mengundang pelbagai jangkitan, termasuk radang paru-paru, meningitis (radang membran yang mengelilingi saraf tunjang atau otak), sepsis (jangkitan dalam darah), sinusitis (jangkitan pada sinus) dan otitis media (jangkitan telinga tengah).

Pakar Perunding Pediatrik, Datuk Dr Amar Singh HSS, pada berkata kajian awal menunjukkan kadar kesmasukan ke hospital kerana COVID-19 adalah kurang dalam kalangan individu yang mengambil suntikan vaksin influenza.

Selain itu, katanya, mereka yang mengambil suntikan vaksin influenza berkemungkinan mempunyai risiko jangkitan COVID-19 lebih rendah kerana patuh kepada prosedur operasi standard (SOP).



Noor Hisham Abdullah

Program gelembung pelancongan

MOTAC tunggu kerajaan umum

Kuala Lumpur: Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), menjelaskan pihaknya tertakluk keputusan Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik COVID-19 walaupun sebelum itu mengumumkan Melaka, Pulau Tioman dan Genting Highlands akan dibuka melalui gelembung pelancongan domestik mulai esok.

MOTAC dalam kenyataan semalam, berkata jawatankuasa khas dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob itu adalah jawatankuasa tertinggi untuk memutuskan pembukaan sektor ekonomi dan juga sektor bukan ekonomi.

Katanya, sidang jawatankuasa khas pada 22 September lalu memutuskan kerajaan akan membenarkan pembukaan pusat pelancongan, pulau atau kawasan pelancongan berserta aktiviti rentan negeri dengan syarat negara mencapai 90 peratus kadar vaksinasi dewasa berdasarkan data dan analisis dibuat Kementerian Kesihatan (KKM).

"Kerajaan akan membuat pengumuman rasmi sebaik saja mendapat satu tarikh yang bersesuaian. Berdasarkan rekod Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV), sehingga semalam sebanyak 85.1 peratus populasi dewasa lengkap divaksinasi," katanya.

Pada 21 September lalu, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Nancy Shukri, pada sidang media di Parlimen berkata Melaka, Pulau Tioman dan Genting Highlands bakal dibuka kepada orang ramai bermula 31 Oktober.

Nancy dilaporkan berkata, perkara itu sudah diluluskan

dalam Mesyuarat kedua Menteri Kuartet COVID-19 pada hari berkenaan dan akan dibawa ke Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik yang dipengerusikan Ismail Sabri keesokannya sebelum diputuskan.

Pembukaan semula itu akhirnya terpaksa ditangguh berikutan keputusan Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik COVID-19 yang mahu kadar vaksinasi mencapai 90 peratus terlebih dulu.

Bagaimanapun, ada pihak yang membuat dakwaan perangguhan terbabit ekonominya berpunca daripada kegagalan gelembung pelancongan Langkawi kerana peningkatan jumlah kes COVID-19 di pulau peranginan terkemuka itu.

Sementara itu, MOTAC berkata, pada masa ini kebenaran rentas negeri untuk aktiviti pelancongan hanya dibenarkan melalui gelembung pelancongan Langkawi mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

Katanya, bagi pelancong domestik pula, mereka dibenarkan melakukan aktiviti pelancongan dalam negeri yang sama bagi negeri berada dalam Fasa Dua Pelan Pemulihran Negara (PPN).

Di Kuantan, penggiat sektor pelancongan di Pulau Tioman kecewa apabila gelembung pelancongan di pulau peranginan itu yang dilaporkan bakal dibuka mulai esok ditangguhkan selepas mereka mula menerima tempahan.

Pemilik Tioman Santai Resort di Kampung Juara, Razib Ali Awang, berkata dia agak kecewa apabila Tourism Pahang kelmarin mengumumkan perangguhan berkenaan tanpa sebarang alasan.

Kes jangkitan baharu masih di bawah angka 13,000

Putrajaya: Kes baharu jangkitan COVID-19 di negara ini merekodkan angka di bawah 13,000 dengan 12,434 kes dilaporkan semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata daripada jumlah kes yang dilaporkan itu sebanyak 11,591 kes membabitkan penularan tempatan atau 93.3 peratus warganegara, manakala 835 kes

atau 6.5 peratus bukan warganegara.

"Lapan kes import pula membabitkan rakyat negara ini. Daripada 12,434 kes harian yang dilaporkan, sebanyak 207 kes atau 1.7 peratus kategori tiga, empat dan lima.

"Sejumlah 12,227 kes atau 98.3 peratus pula kategori satu dan dua," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Beliau berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) melaporkan 17,000 kes sembuh menjadikan jumlah kes pulih sepenuhnya daripada COVID-19 sebanyak 2,037,099 kes setakat ini atau 91.2 peratus daripada keseluruhan kes jangkitan direkodkan di negara ini.

Katanya, pihaknya turut mengesahkan 15 kluster baharu jangkitan membabitkan sembilan kluster

tempat kerja dan enam kluster komuniti, menjadikan jumlah kluster direkodkan setakat ini sebanyak 5,462 kluster.

Terdahulu, Dr Noor Hisham dalam satu perkongsian melalui media sosial, berkata Sarawak masih merekodkan negeri tertinggi dengan

2,967 kes COVID-19, diikuti Selangor (1,362).

Katanya, turut mencatatkan

empat angka semalam ialah Johor dengan 1,289 kes, Kelantan (1,125) dan Sabah (1,000).

"Negeri lain yang turut mencatatkan pertambahan kes ialah Perak (971), Pulau Pinang (863), Pahang (663); Kedah (652), Terengganu (612) dan Melaka (375).

"Selain itu, Kuala Lumpur (284), Negeri Sembilan (169), Perlis (79), Putrajaya (18) dan hanya lima kes di Labuan," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : COVID-19

Meningkat kepada 12,434 kes semalam

Kuala Lumpur: Jumlah kes harian Covid-19 meningkat kepada 12,434 kes semalam berbanding 11,332 yang dilaporkan kelmarin, menjadikan jumlah kumulatif adalah 2,232,960 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada kes yang dilaporkan itu, 207 kes (1.7 peratus) adalah kategori 3, 4, dan 5 manakala 12,227 kes (98.3 peratus) lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2.

"Sarawak kekal menjadi negeri yang mencatatkan kes tertinggi dengan 2,967 kes diikuti Selangor (1,362 kes), Johor (1,289 kes), Kelantan (1,125 kes) dan Sabah merekodkan 1,000 kes.

"Pulau Pinang mencatatkan 863 kes manakala Perak (971 kes), Pahang (663 kes), Kedah (652 kes) dan Tereng-

ganu merekodkan 612 kes. "Selain itu Melaka merekodkan 375 kes baru, Kuala Lumpur (284 kes), Perlis (79 kes), Putrajaya (18 kes) dan Labuan mencatatkan lima kes," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 17,000 kes dilaporkan sembah semalam menjadikan jumlah kes sembah ialah 2,037,099 (91.2 peratus).

"Daripada jumlah yang dilaporkan positif, 979 kes memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) yang mana 871 kes adalah kes Covid-19 dan 108 adalah kes dalam siasatan.

"Daripada jumlah itu juga sebanyak 565 kes dilaporkan memerlukan bantuan pernafasan dengan 378 kes ada Covid-19 dan 187 adalah kes disyaki dan dalam siasatan," katanya.

Alor Setar: Lima beradik ini yatim piatu selepas bapa mereka meninggal dunia akibat dijangkiti Covid-19 pada 17 September lalu.

Terdahulu, ibu mereka, Irwana Ismail meninggal dunia tiga tahun lalu akibat darah tinggi.

"Lima anak saudara saya ini berusia 12 hingga 22 tahun. Kematian bapa mereka akibat virus itu menyebabkan kami lebih berhati-hati," kata bapa saudara mereka, Mohd Yasin Ismail, 32.

Menurut Mohd Yasin, abang iparnya, Rosly Abdul Hamid, 46, meninggal dunia selepas 14 hari dijangkiti Covid-19 dari tempat kerjanya dan mendapat rawatan di Hospital Sultanah Bahiyah (HSB).

Katanya, arwah dan anak-anaknya itu tinggal di Flat Seberang Terus di Menggong.

"Abang ipar awalnya mengadu sesak nafas pada 5 September lalu sebelum anaknya menghubunggil saya untuk memaklumkan perkara berkenaan.

"Saya terus menghubungi ambulans sebelum abang ipar dibawa ke HSB. Ketika itu kami tidak tahu dia sudah dijangkiti Covid-19 dan hanya mengetahuinya sebaik dia dirawat kerana tahap oksigennya semakin menurun," katanya dihubungi.

Menurut Mohd Yasin, disebabkan itu, tiga daripada lima anak saudaranya dikuarantin di rumah mereka manakala yang bongsu, Rizaudil Hakimi Sofwan, tinggal bersamanya dan tidak perlu dikuarantin.

Katanya, anak sulung arwah ketika itu bekerja di tempat lain namun dia bersyukur kerana semua anak saudaranya disahkan negatif Covid-19. Sepanjang sembilan hari dirawat, virus itu turut menyerang buah pinggang dan jantungnya," katanya.

"Abang ipar bekerja di Pa-



Ayu Faradina dan adiknya, Rizaudil Hakimi Sofwan menunjukkan gambar bapa mereka, Rosly yang meninggal dunia akibat Covid-19.

sar Borong Alor Setar dan berkemungkinan jangkitan itu berlaku di tempat kerjanya.

"Sebelum ini, dia sudah tiga kali menjalani ujian catatan di klinik swasta tetapi keputusannya negatif.

"Malah, sebelum dimasukkan ke hospital, arwah menganggap mungkin dia negatif Covid-19. Sepanjang

sehingga hari ini, arwah dan suaminya masih dalam pernafasan dengan jantungnya," katanya.

Mohd Yasin berkata, pihak hospital sempat membuat panggilan video untuk

anak-anaknya melihat keadaan bapa mereka.

Bagaimanapun, ketika itu, Rosly sudah tidak sedarkan diri malah menggunakan alat bantuan pernafasan.

Katanya, arwah disahkan meninggal dunia jam 7.50 malam di HSB namun keluarga mereka reda dengan ketentuan Ilahi.

"Sebenarnya, arwah abang ipar sudah tidak sabar untuk menerima suntikan dos pertama vaksin yang sepatutnya pada 19 September lalu namun Allah SWT lebih menyayanginya.



Saya terus menghubungi ambulans sebelum abang ipar dibawa ke HSB. Ketika itu kami tidak tahu dia sudah dijangkiti Covid-19 dan hanya mengetahuinya sebaik dia dirawat kerana tahap oksigennya semakin menurun"

Mohd Yasin

"Saya bersyukur kerana sempat bertemu dengannya beberapa hari sebelum dia dimasukkan ke hospital.

"Ketika itu, abang ipar sudah menunjukkan perubahan apabila dia menyerahkan MyKid anak bongsunya seakan tahu akan pergi buat selamanya," katanya.

Menurutnya, jenazah direkahumkan di Tanah Perkuburan Islam Tongkang Yard di sini, 18 September lalu.

"Apabila kejadian ini mempa keluarga sendiri, saya dan ahli keluarga lain semakin berhati-hati. Kami tahu penularan jangkitan boleh berlaku di mana-mana."

"Saya harap orang ramai terus patuh dengan prosedur operasi standard (SOP) dengan memakai pelitup muka dan elak berada di tempat sesak kerana kita tidak tahu siapa pembawa virus itu," katanya.

Mohd Yasin berkata, dia kini mengambil alih tugas menjaga dua anak saudaranya, Rizaudil Hakimi Sofwan dan kakaknya, Ayu Faradina Rosly, 15, manakala tiga beradik yang lain tinggal bersasingan.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : COVID-19

Kuantan

Walaupun berada di sebalik tembok besi, penghuni Penjara Penor, di sini, bersyukur kerana tidak dilupakan dalam pemberian suntikan vaksin Covid-19 sebagai perlindungan diri daripada wabah berbahaya itu.

Banduan yang dikenali sebagai Tan, 30, mengakui seiring tertanya-tanya bilakah dia akan menerima suntikan itu kerana banyak mengetahui mengenai Covid-19 menerusi media massa sebelum dipenjarakan pada Februari lalu.

"Ketika perbualan telefon dengan orang tua sebelum ini, mereka ada bertanyakan tentang vaksin di penjara. Jika berpeluang bercakap lagi, saya hendak beritahu saya sudah divaksin...sekuang-kurangnya mereka akan berasa lega," katanya.

Anak jati Kuala Lumpur

Lawan Covid-19 di penjara

90 peratus daripada 1,823 banduan di Penjara Penor lengkap vaksinasi

yang sedang menjalani hukuman penjara selama dua tahun kerana melanggar perintah pengawasan polis itu, ditemui selepas menerima suntikan kedua dos vaksin Sinovac di penjara itu pada Selasa lalu.

Sementara itu, Aizi, 29, dari Maran yang menjalani hukuman penjara lima tahun dari 2019 kerana kesalahannya dalam mendapatkan peluang untuk melepaskan peluang mendapatkan suntikan kerana bimbang sama ada masih berpeluang mendapatkan suntikan secara percuma apabila dibebaskan kelak.

"Walaupun berada dalam penjara, kami dimaklumkan mengenai kepentingan dan

kebaikan mengambil vaksin. Saya tahu ia penting untuk beri kami perlindungan diri dan sejak itu saya menanti-nantikan panggilan untuk mendapatkan vaksin," katanya.

Bagi Nanthan, 32, yang menjalani hukuman penjara enam tahun kerana kesalahan menyamun sejak pertengahan tahun lalu mengakui agak bimbang untuk mendafarkan diri sebagai penerima vaksin di aplikasi MySejahtera, namun kini boleh menarik nafas lega se-

lepas menerima suntikan vaksin.

Sementara itu, Pengarah Penjara Penor Fayrouz Ahmad Zawawi berkata, penjara berkenaan sudah mencapai imuniti kelompok kelmarin, apabila lebih 90 peratus daripada 1,823 banduan termasuk warga asing lengkap vaksinasi.

Katanya, dari pada jumlah itu, seramai 408 penghuni menerima vaksin CanSino manakala selebihnya menerima vaksin Sinovac dengan pemberian dos pertama pada 6

dan 7 September lalu, diikuti dos kedua pada Isnin dan Selasa lalu.

Pemberian vaksin dikenalpasti 25 petugas kesihatan yang berada di penjara selama lapan jam bermula jam 9 pagi, di bengkel tenun yang dijadikan pusat pemberian vaksin (PPV) Penjara Penor dengan tujuh stesen vaksinasi di bawah pengawasan dan bantuan kakitangan penjara.

"Penghuni yang divaksin juga diberikan kad vaksinasi Covid-19 yang disimpan piawai penjara dan akan dirakam kepada mereka semasa dibebaskan kelak.

"Selain sebagai dokumen perakuan sudah menerima

vaksin, ia juga membantu mereka yang hanya menerima satu dos di sini untuk mendapatkan dos kedua di luar," katanya.

Fayrouz berkata, pemberian vaksin di dalam penjara membantu mengurangkan penularan wabak itu, ditambah pula dengan langkah preventif oleh pihak penjara termasuk tindakan meletakkan penghuni baharu direma di pusat transit penempatan banduan selama 14 hari bagi pemerhatian.

Selepas disahkan negatif, banduan terabit sekali lagi dikuarantin selama enam hari dalam penjara sebelum dipindahkan ke blok kediarnya masing-masing. - Bernama

Teruja terima suntikan



PELAJAR menunggu giliran untuk menjalani suntikan vaksin Covid-19 pada Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick). Remaja di Sekolah Menengah Kebangsaan Pengkalan Berang, Marang, semalam. Seramai 1,470 pelajar daripada empat sekolah menerima dos pertama vaksin jenis Pfizer-BioNTech sebagai persediaan pembukaan sesi persekolahan pada Oktober ini. - Gambar NSTP/GHAZALI KORI

85.1 peratus daripada populasi dewasa sudah lengkap divaksin

Kuala Lumpur: Seramai 19,912,566 individu atau 85.1 peratus daripada populasi dewasa di negara ini sudah lengkap menerima suntikan vaksin Covid-19 setakat kelmarin. Berdasarkan perincian yang dikongsikan menerusi portal COVIDNOW semalam, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memaklumkan sebanyak 94 peratus atau 21,993,709 individu daripada populasi dewasa sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos suntikan vaksin.

Selain itu, seramai 33,050 atau 1.1 peratus daripada populasi remaja berusia 12 hingga 17 tahun melengkapkan suntikan vaksin se-takat kelmarin.

Bagi kedua-dua populasi, sebanyak 329,722 dos suntikan vaksin turut diberikan semalam membaikkan 168,734 dos pertama dan

160,998 dos kedua menjadikan jumlah keseluruhan pemberian dos vaksin sebanyak 43,028,919 menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick).

Pick dilancarkan pada 24 Februari lalu bagi memberikan vaksinasi untuk membendung pandemik Covid-19 di seluruh negara.

Sementara itu, sebanyak 240 kes kematian akibat Covid-19 dicatatkan setakat jam 11.59 malam kelmarin, menjadikan jumlah kumulatif kematian kini adalah 25,935.

Daripada jumlah itu, sebanyak 89 adalah kes kematian harian sebenar selama tujuh hari, manakala selebihnya adalah kes kematian tertinggal atau 'backlog'.

Bagaimanapun, angka itu boleh berubah sekiranya terdapat kes kematian yang dikemas kini. - Bernama

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : COVID-19

Kematian 2 pelajar tiada kaitan vaksin

Ipoh: Polis menafikan kematian dua pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tasek Damai, di sini, adalah disebabkan vaksin sebagaimana didakwa menerusi rakaman video tular.

Ketua Polis Perak, Datuk Mior Faridalathrash Wahid berkata, sebaliknya kematian dua pelajar itu, masing-masing disebabkan oleh Covid-19 dan sakit jantung.

Katanya, kematian pertama direkodkan pada 18 Julai lalu membabitkan seorang pelajar perempuan sekolah itu yang disahkan positif Covid-19 dan pada masa turut menghidap kencing manis serta darah tinggi tahap kronik selain dua bulan berada dalam keadaan kritis di Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) Ipoh.

Beliau berkata, kematian kedua direkodkan pada 17 September lalu membabitkan seorang pelajar lelaki yang meninggal dunia disebabkan sakit jantung.

"Maklumat disahkan tidak benar dan mengelirukan. Memang ada dua pelajar (SMK) Tasek Damai yang meninggal dunia, tetapi bukan disebabkan oleh vaksin.

"Kedua-dua kejadian tiada

kena-mengena dengan vaksin (memandangkan) program vaksinasi Pick-R (Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Remaja) bermula pada 20 September lalu," katanya.

Katanya, polis akan memanggil individu yang dipaparkan dalam video berkenaan bagi membantu siasatan memandangkan dakwaan tidak benar itu dilihat bakal menimbulkan kegusaran awam.

"Ya, PDRM (Polis Diraja Malaysia) akan siasat," katanya.

Terdahulu, terdapat keratan video berdurasi satu minit 38 saat ditularkan, memaparkan seorang wanita dilihat sedang berucap kepada sekumpulan individu sebagai tanda bersolidariti untuk menuntut hak pelajar sekolah tidak diwajibkan mengambil vaksin imunisasi Covid-19.

Dalam ucapannya, wanita itu mendakwa berlaku dua kes kematian pelajar SMK Tasek Damai yang disebabkan oleh vaksin Covid-19, selain dua lagi pelajar di lokasi berlainan termasuk di Lahad Datu, Sabah serta dua lagi remaja di Ipoh yang mengalami alahan serius selepas divaksin.

RINGKAS

Usah timbul keimbangan awam

Kuala Lumpur: Semua pihak diminta bertengah dan tidak menimbulkan keimbangan awam susulan rakaman video tular mendakwa beberapa individu meninggal dunia selepas menerima vaksin Covid-19.

Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Dr Noor Azmi Ghazali menerusi ciapan di Twitter rasminya semalam memaklumkan, Kementerian Kesihatan (KKM) meneliti perkara berkenaan dan akan memberikan maklum balas dalam masa terdekat.

"Pihak KKM mengambil maklum akan video tular di media sosial berkenaan dakwaan kesan sampingan susulan pemberian vaksin melalui program vaksinasi remaja.

Pihak KKM memandang serius perkara ini dan pihak KKM juga sedang mendapatkan fakta terperinci bagi setiap isu yang dibangkitkan di dalam video tersebut," katanya. - Bernama

JKNS nafi kematian remaja akibat vaksin

Kota Kinabalu: Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) menafikan dakwaan mengenai kematian seorang remaja akibat vaksin di Lahad Datu yang tular di media sosial, baru-baru ini.

Pengarah JKNS Dr Rose Nani Mudin dalam kenyataan dikeluarkan semalam berkata, pihaknya memandang serius aduan orang ramai mengenai mesej palsu dalam rakaman video itu.

"Adalah dimaklumkan bahawa dakwaan berkenaan tidak benar kerana JKNS dan Pejabat Kesihatan Lahad Datu menafikan berlaku kematian seperti yang didakwa serta pihak kami juga telah membuat laporan polis terhadap dakwaan tersebut.

"Perbuatan individu ini boleh menimbulkan perasaan panik dan keimbangan orang ramai khususnya ibu bapa dan remaja yang bakal menerima suntikan vaksin.

"JKNS meminta orang ramai khususnya ibu bapa supaya tidak mudah terpengaruh dengan sebarang maklumat yang tidak benar mengenai vaksin," katanya dalam satu kenyataan.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Lembah Klang, Melaka dan Kedah beralih fasa

Berkuat kuasa 1 Oktober ini setelah mengambil kira penilaian risiko semasa oleh KKM dan MKN

Oleh MUHAMMAD YUSAINY
MOHAMAD YUNUS

SHAH ALAM

Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik pada Rabu ber-setuju membenarkan peralihan fasa bagi tiga negeri dan kelonggaran prosedur operasi standard (SOP) kepada beberapa sektor berkuat kuasa 1 Oktober ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, Lembah Klang (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor) dan Melaka beralih dari Fasa 2 ke Fasa 3, manakala Kedah pula beralih ke Fasa 2 Pelan Pemulih Negara (PPN).

Beliau berkata, peralihan fasa itu dibuat setelah mengambil kira penilaian risiko semasa oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Berdasarkan keputusan jawatankuasa yang membenarkan peralihan dari Fasa 1 ke Fasa 2 bagi negeri Kedah, ia bermakna tiada lagi negeri

berada di Fasa 1 di seluruh negara.

"SOP bagi negeri-negeri yang memasuki Fasa 2, 3 dan 4 adalah sama dengan sebelum ini. Keterangan SOP terkini akan dikemas kini oleh MKN di laman sesawang www.mkn.gov.my," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, penganjuran majlis rasmi kerajaan dan swasta termasuk majlis perasmian serta bengkel dibenarkan di negeri Fasa 2 dan 3.

Bagaimanapun, katanya, ia perlu mematuhi syarat iaitu tetamu sudah menerima vaksinasi lengkap dengan kapasiti dibenarkan sebanyak 50 peratus ruang premis untuk Fasa 2 dan 3, manakala kapasiti penutup sebatas peratus bagi Fasa 4.

Uja beliau, bagi individu yang belum menerima vaksin, perlu menjalani *pre-event test* menggunakan kit ujian kendiri (saliva) sebelum hadir dengan disaksikan oleh penganjur atau pengesahan daripada pengamal perubatan.

Beliau berkata, sektor latihan kemahiran dan pusat latihan industri termasuk kolej vokasional, Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) dibuka di semua fasa dengan mematuhi SOP selaras dengan pem-

bukaan institut pengajian tinggi (IPT) berkuat kuasa pada 15 Oktober ini.

"Selain itu, kehadiran penyokong ke tempat perlawanan sukan dan rekreasi di negeri Fasa 2, 3 dan 4 juga dibenarkan.

"Kehadiran ini meliputi sebelum, semasa dan selepas acara sukan serta rekreasi dengan syarat pementon telah menerima vaksinasi lengkap, memakai pelitup muka sepanjang perlawanan serta tiada aktiviti makan minum sepanjang berada di stadium," ujar beliau.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) merekodkan kadar 85.1 peratus populasi dewasa lengkap divaksin pada Selasa.

"Seperti yang telah saya umumkan pada 22 September lalu, kerajaan akan membenarkan pergerakan rentas negeri apabila kadar vaksinasi lengkap populasi dewasa mencapai 90 peratus.

"Kerajaan juga akan mempertimbangkan lebih banyak sektor ekonomi untuk kembali beroperasi seperti biasa bagi membolehkan rakyat meneruskan kehidupan dengan lebih baik setelah ia ditutup sejak sekian lama," katanya.

>>> **UNTUK MAKLUMAT LANJUT MENGENAI FASA PPN, SILA LAYARI SINAR HARIAN ONLINE**

**12,434 kes baharu,
17,000 sembah
Covid-19**

PUTRAJAYA - Kes positif Covid-19 terus meningkat apabila 12,434 kes baharu dilaporkan setakat jam 12.30 tengah hari Rabu.

Kebanyakan negeri merekodkan peningkatan kes dengan Sarawak kekal melapor angka tertinggi iaitu 2,967 kes diikuti Selangor (1,362), Johor (1,289), Kelantan (1,125) dan Sabah (1,000).

Negeri yang mencatatkan jangkitan tiga angka ialah Perak (971), Pulau Pinang (863), Pahang (663), Kedah (652), Terengganu (612), Melaka (375) dan Negeri Sembilan (169), manakala Perlis (79), Putrajaya (18) dan Labuan (lima).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dalam kenyataan berkata, daripada jumlah itu, terdapat 207 kes adalah kategori tiga hingga lima.

"Sebanyak 12,227 kes lagi adalah terdiri daripada kategori satu dan dua," katanya.

Menurutnya, jumlah kumulatif kes positif Covid-19 adalah 2,232,960 kes.

"Kes yang memerlukan rawatan di unit rawatan rapi (ICU) adalah 979 dan seramai 565 pesakit memerlukan bantuan pernafasan," katanya.

Beliau berkata, sebanyak 17,000 kes sembah dilaporkan menjadikan jumlah keseluruhannya 2,037,099 kes.

Dr Noor Hisham berkata, terdapat 15 kluster Covid-19 dikenal pasti membabitkan sembilan kluster tempat kerja dan enam kluster komuniti.

"Jumlah keseluruhan kluster adalah 5,462 dan 4,338 daripadanya telah diisytiharkan tamat manakala 1,124 masih aktif," katanya.



ISMAIL SABRI



DR NOOR HISHAM

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Kematian dua pelajar tiada kaitan vaksinasi

Kematian membabitkan seorang pelajar perempuan dan lelaki masing-masing berusia 17 tahun adalah disebabkan penyakit lain

Oleh TUAN BUHAIRAH
TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Kematian dua pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tasek Dama, Ipoh, Pérak tiada kaitan dengan vaksinasi Covid-19 sebagaimana yang ditularkan di media sosial.

Timbalan Menteri Kesihatan I, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali berkata, kematian membabitkan seorang pelajar perempuan dan lelaki masing-masing berusia 17 tahun adalah disebabkan penyakit lain.

"Bagi pelajar perempuan, dia adalah seorang pesakit yang mempunyai penyakit kencing manis jenis satu yang bergantung kepada rawatan insulin," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Beliau berkata, pelajar perempuan tersebut telah

dijangkiti Covid-19 dan meninggal dunia pada 18 Ogos lalu sebelum Program Vaksinasi PICK Remaja bermula.

"Bagi pelajar lelaki pula, dia menghidap penyakit jantung congénital," jelasnya.

Menurutnya, pelajar berkenaan telah dibawa ke unit kecemasan hospital akibat jangkitan kuman yang teruk.

"Bantuan pernafasan dan resusitasi telah diberikan, namun pelajar itu meninggal dunia pada 17 September lalu," katanya.

Dr Noor Azmi yang juga Pengurus Badan Bertindak Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Remaja (CITF-A) berkata, kedua-dua pelajar itu bagaimanapun belum menerima vaksin Covid-19.

"Punca kematian ialah 'Sepsis with Underlying Congenital Health Disease,' jelas beliau.

Sementara itu, mengulas mengenai dua lagi pelajar berusia 16 dan 18 tahun yang juga adik beradik, beliau berkata, kedua-duanya dimasukkan ke sebuah hospital swasta di Ipoh selepas mengalami kesan sampingan vaksin Comirnaty.

"Remaja berusia 16 tahun telah dibenarkan keluar dari hospital,



DR NOOR AZMI

manakala remaja berusia 18 tahun masih dalam rawatan dan pemerhatian doktor pakar di hospital tersebut," katanya.

Beliau berkata, semakan oleh Agensi Regulatori Farmasi Negara (NPRA) bagaimanapun mendapat laporan kesan sampingan kedua-dua beradik itu masih belum diterima.

Dr Noor Azmi turut menasihati semua pihak yang ingin membuat kenyataan umum agar bersedia untuk bertanggungjawab ke atas kesan dan implikasi daripada tindakan itu.

"Kenyataan salah akan menyebabkan kekeliruan dan salah tanggapan ibu bapa terhadap PiCK-Remaja," katanya.

Sebelum ini, sebuah video berdurasi satu minit 42 saat tular di media sosial memaparkan seorang wanita mendakwa beberapa pelajar mengalami kesan sampingan susulan imunisasi (AEFI).

Wanita berkenaan turut mendakwa, dua pelajar di Pérak dan seorang remaja di Lahad Datu Sabah meninggal dunia selepas menerima vaksin Covid-19.

Pada Rabu, Ketua Polis Pérak, Datuk Mior Faridalathrash Waliid ketika dihubungi *Sinar Harian* memaklumkan polis akan menjalankan siasatan lanjut berhubung dakwaan tersebut termasuk memanggil individu yang terlibat dalam rakaman video terbabit.

JKNS nafi dakwaan kematian remaja di Lahad Datu akibat vaksin

KOTA KINABALU - Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) menafik dakwaan mesec palsu rakaman video yang tular di media sosial berlaku kematian membabitkan seorang remaja akibat suntikan vaksin di Lahad Datu.

Pengarah Kesihatan Sabah, Dr Rose Nani Mudin berkata, JKNS memandang serius berkaitan aduan orang ramai berhubung mesej berkenaan.

"Dimaklumkan bahawa dakwaan tersebut adalah tidak benar kerana JKNS dan Pejabat Kesihatan Kawasan Lahad Datu menafikkan berlaku kematian seperti yang didakwa. Pihak JKNS telah membuat laporan polis terhadap dakwaan itu."

"Perbuatan individu ini boleh menimbulkan perasaan panik dan kebimbangan orang ramai terutamanya ibu bapa dan remaja yang bakal menerima suntikan vaksin," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Sehubungan itu, Ros Nani berkata, JKNS menyeru kepada orang ramai khususnya ibu bapa supaya tidak mudah terpengaruhi dengan sebarang maklumat yang tidak benar mengenai vaksin.

"Vaksin mampu mencegah jangkitan Covid-19 dan kematian akibatnya."

"JKNS menyeru ibu bapa atau penjaga segera untuk mendaftarkan remaja di bawah jagaan masing-masing menerusi MySejahtera dan mendapatkan vaksin segera bagi melindungi diri mereka dan keluarga," katanya.

Pemberian vaksin kepada remaja selari dengan perkembangan luar negara

SHAH ALAM - Peningkatan pemberian vaksin Covid-19 kepada remaja di Malaysia adalah selari dengan perkembangan di luar negara yang sudah memulakan langkah tersebut.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Profesor Dr Mohd Dzulkhairi Mohd Rani berkata, tindakan tersebut merupakan salah satu langkah sebagai persediaan mereka kembali meneruskan pembelajaran secara bersemuka di sekolah.

"Negara-negara maju di luar sana juga sudah banyak yang memberikan vaksin Covid-19 kepada golongan remaja."

"Kebanyakan mereka sudah boleh meneruskan sesi persekolahan secara bersemuka dengan prosedur operasi standard (SOP) tertentu."

"Sekiranya hendak mencapai tahap liputan vaksin yang tinggi, memang kita pun perlu memasukkan golongan remaja ini dalam pengiraan capaian vaksin, seterusnya menurunkan kadar jangkitan yang teruk dan kadar kesmasukan ke hospital serta unit rawatan rapi (ICU)," jelas beliau.

Sementara itu, Pakar Kesihatan Awam daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Profesor Dr Sharifa Ezat Wan Puteri berkata, kesan sampingan vaksin kepada remaja yang sudah divaksin setakat ini adalah rendah jika dibandingkan secara umum.

"Untuk kesan sampingan seperti miocarditis atau jantung

selepas vaksin walaupun ada risiko, tetapi sangat rendah, manakala risiko dijangkiti Covid-19 dan kesannya pada paru-paru serta jantung lebih berbahaya."

"Jadi, jangan takut untuk menerima vaksin sebab kadar sampingan adalah rendah berbanding dengan kemungkinan dijangkiti Covid-19 yang tentunya lebih bahaya."

"Saya setuju vaksin diberikan kepada golongan remaja,



DR MOHD DZULKHAIRI
DR SHARIFA EZAT



Peningkatan pemberian vaksin Covid-19 kepada remaja di Malaysia adalah selari dengan perkembangan di luar negara.

cuma ibu bapa dan pentadbir sekolah perlu faham anak-anak boleh mengalami kesan

sampingan, jadi perlu sentiasa pantau mereka dan segera rujuk kepada doktor," ujarnya.



FOTO: BERNAMA

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : DALAM NEGERI

Orang Asli Kuala Masai lega bebas Covid-19

Oleh RAJA JAAFAR ALI
 utusannews@mediamulia.com.my


JOHOR BAHRU: Kira-kira 400 penduduk Orang Asli di Kampung Kuala Masai kini boleh bernafas lega apabila mereka disahkan bebas daripada jangkitan Covid-19.

Kini kehidupan mereka kembali normal dengan meneruskan aktiviti laut seperti menangkap ikan dan ternakan kupang.

Tok Batin kampung tersebut, Kilo Baru berkata, kehidupan masyarakat Orang Asli di sini kembali ceria setelah penduduk Orang Asli Seletar yang dijangkiti Covid-19 sudah pulih seperti biasa.

"Saya amat berterima kasih kepada Kementerian Kesihatan, Jabatan Kemajuan Orang Asli dan pelbagai agensi lain yang membantu penduduk di sini ketika ramai yang sakit," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika ditemui semalam.

Pada 26 Ogos lalu perkampungan Orang Asli Kampung Kuala Masai gempar apabila 59 penduduk dimasukkan ke hospital akibat jangkitan Covid-19 termasuk bayi berumur dua bulan dan ditempatkan di Pusat Kuaratin Risiko Covid (PKRC)



SEORANG penduduk Orang Asli memungah hasil kupang setelah disahkan bebas daripada Covid-19 di di Kampung Kuala Masai dekat Johor Bahru, semalam. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

Hospital Permai.

Ekoran itu kira-kira 100 penduduk diarah menjalani kuaratin di rumah masing-masing se-

lama 14 hari.

Kilo Baru berkata, seramai 139 penduduk kampung itu telah pun diberi vaksin Cansino

pada 17 September lalu dan ada antaranya telah selesai dos kedua vaksin Pfizer bulan Ogos lalu.

Covid-19: Pesakit jantung lebih berisiko

